



SIARAN MEDIA

MAJLIS PERASMIAN SIMPOSIUM PENYELIDIKAN KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH TAHUN 2023

“Simposium Penyelidikan KKDW Tahun 2023 telah berjaya menghimpunkan 600 orang yang telah dipilih dalam kalangan kepimpinan desa dan Institut Pentadbiran Peringkat Kampung (IPPK), kepimpinan kampung, Tok Batin, Penghulu Orang Asli, penggerak agensi, pemegang taruh dan juga pakar dalam pelbagai bidang berkaitan pembangunan luar bandar.”

BANGI - Institut Kemajuan Desa (INFRA), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah mengadakan Majlis Perasmian Simposium Penyelidikan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah Tahun 2023 pada hari ini bertempat di Hotel Tenera, Bangi, Selangor. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB. Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang, Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah.

Turut hadir sama ke majlis yang bertemakan ‘Luar Bandar Sejahtera’ ini ialah YBhg. Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KKDW dan Pegawai-Pegawai Kanan KKDW serta peserta seramai 600 orang yang telah dipilih dalam kalangan kepimpinan desa dan Institusi Pentadbiran Peringkat Kampung (IPPK), kepimpinan kampung, Tok Batin, Penghulu Orang Asli, penggerak agensi, pemegang taruh dan juga pakar dalam pelbagai bidang berkaitan pembangunan luar bandar.

Latar Belakang

- Pelaksanaan simposium penyelidikan ini adalah selaras dengan hala tuju INFRA sebagai Pusat Kecemerlangan Luar Bandar (*Centre of Rural Excellence - C.O.R.E*) yang mengandungi *roadmap* atau pelan strategik bagi meningkatkan imej INFRA sebagai institusi penyedia latihan bagi golongan sasar luar bandar di samping memperkasa peranan dan hala tuju sebagai institusi latihan dan penyelidikan luar bandar utama di bawah KKDW.
- Simposium ini juga adalah selaras dengan saranan pihak KKDW sebagaimana keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK), Bilangan 8 bertarikh 10 Disember 2018 yang menyarankan INFRA mengambil inisiatif untuk memberi latihan kepada pihak yang terlibat selain turut berkongsi mengenai sebarang inisiatif dan pendekatan baharu bagi projek dan program KKDW.

Objektif

- Menjadikan medan perkongsian ilmu hasil dapatan dari pembentangan kajian dan penyelidikan luar bandar yang telah dilaksanakan oleh KKDW sejajar dengan hala tuju INFRA sebagai pusat kecemerlangan latihan dan penyelidikan luar bandar kepada kumpulan sasar.
- Memanfaatkan hasil kajian dan penyelidikan untuk digunakan sebagai rujukan dalam merangka hala tuju program serta projek pembangunan luar bandar selaras dengan Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) yang telah merumuskan wawasan

“Luar Bandar yang Sejahtera, Inklusif, Mampan dan Holistik” sebagai agenda utama dalam proses pembangunan luar bandar di Malaysia menjelang tahun 2030

- Platform pertemuan dan jaringan kerjasama di antara pihak-pihak yang terlibat dengan pembangunan serta kemajuan desa dan wilayah dalam usaha memastikan semua pihak sentiasa cakna tentang aspirasi KKDW dalam memperkasa dan memacu kemajuan masyarakat luar bandar.

Sebanyak **tiga (3) kajian** telah dibentangkan dalam simposium kali ini iaitu:

1. TERAS 10 – PEMBANGUNAN WILAYAH KAJIAN SOSIO-EKONOMI PENDUDUK DALAM WILAYAH KESEDAR KAJIAN TAHUN 2019

Pegawai bertanggungjawab :

Puan Hajah Norlidasaidi binti Awang Teh, Timbalan Pengurus Besar (Pengurusan), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR).

Latar belakang kajian: Kajian ini adalah penting kepada pihak KESEDAR sebagai persiapan dalam rangka menggubal polisi dan hala tuju KESEDAR bagi tujuan Laporan RMKe-12 dan mengemas kini data dan perangkaan sosio-ekonomi dan taraf hidup penduduk di Kawasan KESEDAR.

2. TERAS 10 – PEMBANGUNAN WILAYAH KAJIAN PELAN INDUK HALA TUJU PEMBANGUNAN KAMPUNG WILAYAH KEJORA - KAJIAN TAHUN 2020

Pegawai bertanggungjawab:

Encik Hanafi bin Jantan, Pengurus Perancangan Strategik, Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA).

Latar belakang kajian: Pelan Induk Hala Tuju Pembangunan Kampung Wilayah KEJORA ini bertujuan untuk memperkasakan pembangunan kampung di wilayah KEJORA menerusi pembangunan projek-projek pemangkin meneraju kepada penglibatan penduduk desa dengan lebih aktif dan lebih konsisten.

3. TERAS 10 - PEMBANGUNAN WILAYAH KAJIAN PROSPEK PERKEMBANGAN PERBANDARAN KETENGAH KESAN DARIPADA PEMBINAAN LEBUH RAYA PANTAI TIMUR DUA (LPT 2) - KETENGAH - KAJIAN TAHUN 2020

Pegawai bertanggungjawab:

Y.M. Dato' Tengku Ahmad Nadzri bin Tengku Musa (D.P.M.T., MEJ (K), S.M.Z.), Pengurus Besar KETENGAH.

Latar belakang kajian: Tujuan kajian ini adalah untuk membantu pihak KETENGAH dalam membangunkan daerah-daerah wilayah KETENGAH dan secara langsung ini dapat mengoptimalkan penggunaan fizikal Jajaran Jalan Raya Jerangau – Jabor.

Aktiviti-aktiviti perdagangan yang dapat meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk setempat supaya lebih berdaya saing, lebih mampan dan sejahtera perlu dibangunkan oleh KETENGAH yang berlandaskan kepada Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) yang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG 2030).

Kesan pembukaan LPT II terhadap pertumbuhan pembangunan infrastruktur dan perkembangan sosioekonomi kumpulan sasaran di Wilayah KETENGAH termasuk

aktiviti-aktiviti perdagangan yang dapat membantu dalam menjana pendapatan merupakan objektif utama kajian ini.

Impak Program

- Simposium Penyelidikan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah Tahun 2023 akan dapat memberi pendedahan, penyampaian dan perkongsian maklumat serta kefahaman yang lebih jelas kepada peserta terutama dalam kalangan kepimpinan mengenai topik-topik yang disampaikan berkaitan dengan Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB).
- Hasil kajian dan penyelidikan yang dilaksanakan oleh Kementerian dapat disebar luas untuk golongan sasar, pemegang taruh dan pihak-pihak yang berkaitan dengan pembuat dasar dan pelaksana program serta projek pembangunan luar bandar.
- Mewujudkan kerjasama strategik antara pihak INFRA/KKDW dengan pelbagai pihak terutama dalam usaha menjayakan usaha-usaha pembangunan luar bandar.

INFRA, KKDW ingin mengucapkan terima kasih atas kerjasama rakan-rakan media yang telah hadir bagi membuat liputan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, tuan/puan boleh hubungi Encik Mohd Yusrizal Ab Razak, Ketua Unit Komunikasi Korporat INFRA, KKDW ditalian 016-553 7397.

Sekian, terima kasih.

Dikeluarkan oleh:

*Unit Komunikasi Korporat,
Institut Kemajuan Desa (INFRA),
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).
24 Oktober 2023*

